




STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU TAHUN KEEMPAT 2024





9.05 juta jawatan
dalam sektor ekonomi

Jumlah jawatan meningkat sebanyak
1.3 peratus atau bersamaan **119.1 ribu**
tahun ke tahun




62.5% jawatan di
kategori separuh mahir

Kategori separuh mahir adalah penyumbang tertinggi dengan peratus sumbangan sebanyak 62.5 peratus atau bersamaan dengan 5.66 juta jawatan



4.70 juta
jawatan tertumpu pada
sektor Perkhidmatan


Jumlah jawatan tertinggi dalam sektor Perkhidmatan
dicatatkan oleh subsektor Perdagangan borong &
runcit dengan jumlah jawatan sebanyak 1.75 juta.



Nota: Hasil tambah mungkin berbeza dengan jumlah kerana pembundaran secara berasingan.

Sumber: Statistik Guna Tenaga, Suku Keempat 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Jawatan, Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan, ST4 2021 – ST4 2024



Sejumlah 9.05 juta jawatan direkodkan dalam sektor ekonomi pada suku tahun keempat 2024, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.3 peratus

Permintaan Buruh, Suku Keempat 2024

- Sejumlah 9.05 juta **jawatan** dicatatkan dalam sektor ekonomi pada suku tahun keempat 2024, menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.3 peratus. Terdapat 8.86 juta **jawatan diisi**, bersamaan dengan 97.9 peratus daripada jawatan diisi.
- Dari segi **kekosongan jawatan**, terdapat 193.6 ribu kekosongan direkodkan dengan kadar 2.1 peratus. Manakala, **pewujudan jawatan** adalah 31.5 ribu jawatan, meningkat daripada 31.1 ribu (ST4 2023).

Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran

- Mengikut **kategori kemahiran**, kategori separuh mahir mencatatkan sumbangan terbesar dalam jawatan pada 62.5 peratus (5.66 juta), diikuti oleh mahir (25.0%; 2.27 juta) dan berkemahiran rendah (12.5%; 1.13 juta).
- Untuk **kategori mahir**, 2.22 juta jawatan (97.9%) telah diisi dan 47.6 ribu (2.1%) adalah kekosongan jawatan. Sejumlah 8.4 ribu jawatan diwujudkan dalam kategori ini.
- Dari segi **kategori separuh mahir**, 5.55 juta jawatan atau bersamaan dengan 98.1 peratus daripada jumlah jawatan telah diisi, manakala kekosongan jawatan 108.5 ribu (1.9%). Selain itu, sejumlah 19.7 ribu jawatan baharu diwujudkan dalam kategori ini.
- Untuk **kategori berkemahiran rendah**, jawatan diisi adalah sebanyak 1.09 juta jawatan pada ST4 2024. Sementara itu, kekosongan jawatan adalah 37.5 ribu. Ini menjadikan kadar jawatan diisi 96.7 peratus dan kekosongan jawatan 3.3 peratus. Di samping itu, 3.3 ribu jawatan baharu telah diwujudkan.

Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi

- Melihat kepada aktiviti ekonomi, majoriti **jawatan dan jawatan diisi** adalah dalam sektor Perkhidmatan yang mana masing-masing menyumbang sebanyak 51.9 peratus (4.70 juta) dan 52.7 peratus (4.67 juta).
- Sektor Pembuatan mendominasi **kekosongan jawatan** dengan sumbangan 57.0 peratus (110.5 ribu), diikuti oleh Pertanian (16.5%; 31.9 ribu), Pembinaan (13.3%; 25.7 ribu) dan Perkhidmatan (12.9%; 25.0 ribu).
- Bagi **pewujudan jawatan** pada ST4 2024, 49.9 peratus (15.7 ribu) adalah di sektor Perkhidmatan, diikuti oleh Pembuatan (34.9%; 11.0 ribu) dan Pembinaan (10.7%; 3.4 ribu).

